

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING  
[ SERDANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan unjuran permintaan elektrik dan rancangan pembekalan sumber jana kuasa elektrik (*generation fuel mix*) untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak setiap tahun dari 2015 hingga 2030.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Unjuran permintaan elektrik dan rancangan pembekalan sumber jana kuasa (*generation fuel mix*) setiap tahun bagi tempoh 2015 hingga 2030 bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah seperti di Jadual- jadual berikut:

**Jadual 1: Unjuran permintaan elektrik dan rancangan pembekalan sumber jana kuasa (*generation fuel mix*) bagi Semenanjung Malaysia**

Tahun	Arang batu (%)	Gas (%)	Hidro (%)	*TBB (%)	Alternatif/ Import (%)
2014	42	52	5	1	-
2015	50	44	4	2	-
2016	56	37	5	2	-
2017	57	37	5	2	-
2018	59	34	5	2	-
2019	64	29	4	2	-
2020	62	29	4	3	-
2021	61	31	4	3	-
2022	65	32	4	3	-
2023	58	28	4	3	-
2024	48	25	4	3	10
2025	49	24	5	3	20
2026	50	24	5	3	19

2027	50	24	5	3	19
2028	51	23	4	3	19
2029	52	23	4	3	19
2030	52	23	4	3	19

\*TBB – Tenaga Boleh Baharu

**Jadual 2: Unjuran permintaan elektrik dan rancangan pembekalan sumber jana kuasa (*generation fuel mix*) bagi Sabah**

Tahun	Gas (%)	Hidro (%)	*TBB (%)	Alternatif/Import (%)	MFO/ Diesel (%)
2014	87	7	3	-	3
2015	90	7	3	-	-
2016	89	7	3	-	-
2017	89	7	4	-	-
2018	89	6	4	-	1
2019	91	6	3	-	-
2020	81	15	3	-	-
2021	82	15	3	-	-
2022	83	14	3	-	-
2023	83	14	3	-	-
2024	84	13	3	-	-
2025	85	12	2	-	-
2026	85	12	2	1	-
2027	84	11	2	2	-
2028	85	11	2	2	-
2029	84	10	1	4	-
2030	80	10	2	8	-

\*TBB – Tenaga Boleh Baharu

**Jadual 3: Unjuran permintaan elektrik dan rancangan pembekalan sumber jana kuasa (*generation fuel mix*) bagi Sarawak**

<b>Tahun</b>	<b>Gas (%)</b>	<b>Hidro (%)</b>	<b>Arang Batu (%)</b>	<b>Diesel (%)</b>
2015	13	75	10	2
2023	8	67	25	-

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, semua semua hal berkaitan dengan bekalan elektrik dan pembangunan infrastruktur bagi pembekalan elektrik di seluruh negara adalah tertakluk di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990. Walau bagaimanapun, melalui kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 1 (2) Akta Bekalan Elektrik, Menteri telah membuat perintah yang dinamakan Perintah Penggantungan Kuatkuasa Akta (Sarawak) 1990 pada 30hb. Ogos 1990, di mana negeri Sarawak telah dikecualikan daripada penguatkuasaan keseluruhan Akta Bekalan Elektrik 1990 berkenaan, di mana semua aspek berkaitan dengan bekalan elektrik, termasuk perancangan jangka panjang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

\*\*\*\*\*